

PERKAHWINAN MENURUT ADAT PERPATIH DAN
UNDANG-UNDANG ISLAM
SATU KAJIAN PERBANDINGAN

WAN SITI ADIBAH BINTI WAN DAHALAN

LATIHAN ILMIAH INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANAMUDA UNDANG-UNDANG
DENGAN KEPUJIAN

FAKULTI UNDANG-UNDANG
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI

1991

PENGAKUAN

"Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuai nukilan-nukilan dan ringkasan-ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya."

30 hb Mac 1991



Wan Siti Adibah binti Wan Dahalan

PENGHARGAAN

Saya ingin memanjatkan rasa kesyukuran ke hadrat Allah s.w.t. atas limpah kurnia, taufik dan hidayahNya dapat juga saya menyiapkan Latihan Ilmiah ini.

Dirakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan yang tidak terhingga kepada Yang Berbahagia Ustaz Abdul Monir Yaacob. Selaku penyelia yang banyak memberikan bimbingan dan tunjuk ajar sehingga dapat menyiapkan Latihan Ilmiah ini.

Seterusnya juga ucapan terima kasih saya kepada nama-nama berikut yang telah sudi memberikan kerjasama:-

- 1) Yang Teramat Mulia Dato' Abdul bin Ali, D.T.N.S., Dato' Johan Pahlawan Lela Perkasa Sitilawan, Undang Luak Jeloh ke XIII.
- 2) Dewan Keadilan dan Undang, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan.
- 3) Penyelidikan Budaya Negeri Sembilan, Wisma UMNO, Negeri Sembilan.
- 4) Professor Dr. Wan Rafei bin Hj. Wan Abd. Rahman, Professor Madya Dr Siti Maimon binti Hj. Kamso, Dekan Pengajian Siswazah, U.K.M.

- 5) Ustaz Mohd. Nasir bin Nordin, Mahkamah Tinggi Syariah, Negeri Sembilan
- 6) Azidah binti Hj. Abd. Aziz, Kamarudin dan Partners, Peguambela dan Peguamcara, Shah Alam, Selangor.
- 7) Ustaz Mohd. Radzi b. Muhiddin

Tidak lupa buat Ayah, Emak, Along dan keluarga, Abang, Bangdik dan Avom yang tidak putus-putus, memberikan semangat dan dorongan kepada diri ini.

Akhir sekali segala pertolongan yang berbentuk secara langsung dan tidak langsung ini hanya Allah yang membalasnya dan semoga ia mendapat keberkatan daripada Allah s.w.t. Amin.

Ikhlas Daripada,

Wan Siti Adibah binti Wan Dahalan,

Lot 6726, Taman Bukit,

Lorong Titiwangsa 12,

Ampang, 70400, Seremban.

SINOPSIS

Latihan ilmiah ini telah dibahagikan kepada empat bab. Sebelum mengemukakan bab pertama hingga ke empat hanya dimulakan dengan Bidang Kajian yang menerangkan mengenai tujuan, bidang dan cara kajian serta masalah yang dihadapi semasa membuat kajian. Bab pertama membicarakan tentang pengenalan mengenai Adat Perpatih. Bab kedua pula menerangkan konsep perkahwinan secara Islam dan Adat Perpatih. Bab ketiga pula menghuraikan langkah awal di dalam perkahwinan iaitu dari merisik hinggalah ke peringkat tunangan mengikut Adat Perpatih dan cara Islam. Manakala di dalam Bab keempat pula dibentangkan perkahwinan menurut Adat Perpatih dan Islam yang mana tumpuan di buat dari peringkat persediaan sehinggalah majlis tersebut selesai. Akhirnya di bahagian penutup dihuraikan beberapa pandangan dan ulasan mengenai Adat Perpatih dan perkahwinan menurut Islam di dalam masyarakat Melayu Negeri Sembilan masa kini.

KANDUNGAN

BAB	HALAMAN
PENGAKUAN	i
PENGHARGAAN	ii
SINOPSIS	iv
JADUAL KANDUNGAN	v
SENARAI SINGKATAN	ix
JUDUL TRANSITERASI	x
BIDANG KAJIAN	xii
AREA OF RESEARCH	xv
 I	
Pengenalan Mengenai Adat Perpatih	
1.1 Asal usul Adat Perpatih	1
1.2 Pengertian Adat	2
1.3 Bahagian-bahagian Adat	4
1.4 Secara Johol secara ringkas	6
1.5 Sistem Pentadbiran Adat	9
1.6 Suku	24
 II	
Perkahwinan	
Perkahwinan Menurut Undang-Undang Islam	
2.1 Definasi Perkahwinan	29
2.2 Konsep Perkahwinan	32
2.3 Hikmat dan Tujuan Perkahwinan	38

KANDUNGAN

BAB

2.4 Hukum Perkahwinan	45
PERKAHWINAN MENURUT ADAT PERPATIH	
2.5 Definasi Perkahwinan	51
2.6 Konsep Perkahwinan	52
2.7 Jenis-jenis Perkahwinan	58
2.8 Hikmat dan Tujuan Perkahwinan	64
2.9 Perbandingan	65
III PRELIMINARI PERKAHWINAN MENURUT ADAT PERPATIH	73
3.1 Merisik	73
3.2 Pinangan dan pertunangan	78
PRELIMINARI PERKAHWINAN MENURUT ISLAM	82
3.3 Meminang	85
a. Melihat Pinangan	85
b. Mengenal Sifat-sifatnya	88
c. Istikharah	89
d. Perkahwinan Hendaklah Diumumkan dan Pinangan Hendaklah Dirahsiakan.	91
3.4 Bertunang	92
3.5 Putus Tunang	94
3.6 Perbandingan	95

KANDUNGAN

BAB

3.7 Kes Putus Tunang	98
IV PERLAKSANAAN ADAT ISTIADAT PERKAHWINAN	
MENURUT ADAT PERPATIH DAN ISLAM	102
4.1 Persiapan Menjelang Perkahwinan	102
a. Hari Berkenak atau Memasang adat	105
b. Istiadat Menggantug-gantung	
Sebelum Hari Berlangsung	106
c. Istiadat Menjemput	106
d. Istiadat Berandam	107
e. Istiadat Mengisi Adat	109
4.2 Istiadat Akad Nikah	110
a. Istiadat Berjulang Arak	112
b. Istiadat Bersanding dan Berinal	112
4.3 Di Hari Langsung	113
a. Istiadat Persandingan	114
b. Istiadat Suap-suap	115
c. Istiadat Padam Lilin	116
d. Istiadat Pangkasan	116
e. Istiadat Menyembah	116
f. Istiadat Makan Damai	117
g. Istiadat Mandi-mandian	117
4.4 Hari Menyalang	118

KANDUNGAN

BAB	HALAMAN
4.5 Perbandingan	119
4.6 Penutup	127
BIBLIOGRAFI	
LAMPIRAN	
A. Peta Negeri Sembilan	132
B. Adat (Mas Kahwin di Luak Ulu Muar)	133
C. Pepauh Bertunang Lanang	137
D. Saman Bagi Pasangan Yang Ditangkap Berkhalwat	139
E. Contoh Jemputan Kahwin	140
F. Lafaz Ikrar Orang Semenda	141

SENARAI SINGKATAN

b. - bin	ibld. - di tempat yang sama
bt. - binti	jil. - jilid
bhg. - bahagian	kg. - kampung
bil. - bilangan	r.a. - radiallahu ^c anhu
cet. - cetakan	s.a.w. - salallahu ^c alaihi wasallam
ed. - edisi	s.w.t - subhanahu wa ta ala
hb. - haribulan	t.pt. - tiada penerbit
hj. - haji	t. th - tiada tarikh
hjh. - hajjah	t.tp - tiada tempat
nlm. - halaman	trj. - terjemahan

JUDUL TRANSITERASI

<u>Huruf Arab</u>	<u>Huruf Latin</u>	<u>Huruf Arab</u>	<u>Huruf Latin</u>
ا	a	د	d
ب	b	ت	t
ج	j	ز	z
ح	h	ع	c
خ	kh	غ	gh
د	d	ف	f
ذ	dh	ق	q
ر	r	ك	k
ز	z	ل	l
س	s	م	m
ش	sy	ن	n
ص	s	ه	h
		و	w
		ي	y

Vokal Pendek

a

i

u

Vokal Panjang

a i

i

u

Diftong

ay

av

BIDANG KAJIAN

Bismillahirrahmanirrahim

Tujuan kertas projek ini dibuat adalah untuk memberikan satu gambaran mengenai adat istiadat perkahwinan dalam adat perpatih di Negeri Sembilan bermula dari peringkat awal iaitu merisik hinggalah ke peringkat yang paling akhir iaitu pada hari bertandang. Di samping itu dibuat satu penilaian mengikut pandangan dari sudut Islam.

Di dalam kajian ini juga akan memberi kefahaman kepada masyarakat umum mengenai amalan adat perkahwinan yang dibuat secara adat perpatih. Hasil dari kajian juga dapat dinilai sama ada adat perkahwinan yang dibuat itu selaras dengan ajaran Islam. Pengkajian pokok terhadap kajian ini akan dihuraiakan di dalam kertas projek yang seterusnya.

Kajian projek ini diambil dari kawasan Kuala Pilah yang mana tempat tersebut adalah salah satu tempat yang terkenal di dalam adat perpatih. Di situ juga terletak kawasan Sri Menanti yang mana ianya adalah tempat bersemayan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Yang Dipertuan Besar di Negeri Sembilan. Selain tempat itu kawasan

bandar Seremban juga termasuk di dalam skop kajian ini.

Di dalam usaha-usaha penyediaan projek ini, banyak mengambil kira pandangan mereka-mereka yang mahir mengenai adat bermula dari Buapak-buapak (Ketua keluarga), Dato' Lembaga hingga kepada Yang Teramat Mulia Dato' Abdul bin Ali D.T.N.S. Dato' Johan Pahlawan Lela Perkasa Setiawan Undang Luak Johol. Kesemuanya telah memberikan bantuan kerjasama yang tidak terhingga kepada saya. Di samping menemuramah mereka ini, saya juga berkesempatan untuk bertemu dengan Setiausaha Dewan Keadilan Negeri Sembilan di samping menganalisa buku-buku, majalah-majalah dan akhbar tempatan untuk dijadikan bahan rujukan. Selain daripada itu kehadiran saya di dalam majlis kenduri perkahwinan adat perpatih turut dijadikan asas untuk menyalapkan kertas projek ini.

Dalam penyediaan projek ini, saya juga menghadapi masalah-masalah terutamanya masa yang diperuntukkan untuk bertemu janji, mengkaji buku-buku, majalah dan akhbar kerang masanya adalah terhad. Untuk membuat temu-janji dan perjalanan yang jauh dari Universiti Kebangsaan Malaysia turut memakan masa dan kos perbelanjaan yang tinggi. Selain daripada temu-ramah, sumber-sumber maklumat juga diperolehi di perpustakaan di Universiti Kebangsaan Malaysia,

Universiti Malaya, Perpustakaan Awam Negeri Sembilan di Seremban, Dewan Keadilan di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Negeri Sembilan dan Penyelidik Budaya Negeri Sembilan untuk menyiapkan kertas projek ini.

Akhir sekali dengan terbentangnya kajian ini akan memberi penjelasan yang lebih jelas lagi mengenai Adat Perpatih khasnya mengenai perkahwinan di Negeri Sembilan. Dan adalah diharapkan kajian ini akan memberi sumbangan kepada pengkaji-pengkaji adat perpatih di Negeri Sembilan, khususnya mengenai adat perkahwinan yang dijalankan berbanding dengan ajaran Islam.

Sekian, Wassalam.

Area Of Research

The purpose of this project is to give a picture on the marriage culture of "Adat Perpatih" in Negeri Sembilan beginning from the earlier stage of "merisik" to the last which is "bertandang". Apart from that, an evaluation is also done from the view of Islam.

From this research, the public can also understand how a marriage is carried out in the Adat Perpatih way. The result of this research also shows whether it is in line the teachings of Islam. The main point will be highlighted in this report.

The research is carried out in the area of Kuala Pilah which still follow the Adat Perpatih. Located at the area is the Sri Menanti which is where Duli Yang Maha Mulia Tuanku Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan stays. Apart from that, the scope of the also covers the area of Seremban.

In the process of conducting the research, views from various people familiar with the Adat is taken into consideration. From the Buapak Dato' Lembaga to Yang Terendah Mulia Dato' Abdul b. Ali D.T.N.S. Dato' Johan

Pahlawan Lela Perkasa Setiawan Undang Luak Johol, their views on the particular subject is very essential. Apart from getting information from books, magazines and newspaper, discussions were also held with the Setiausaha Dewan Keadilan Negeri Sembilan. Also, my attendance in the actual marriage occasions (the Adat Perpatih way) helps a lot in the research.

In doing the research, I faced various problems especially in getting appointments and the limitations in reference books on the subject. To go for an appointment, I will have to travel quite a distance. References from various institutions like Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Malaya, Perpustakaan Awam Negeri Sembilan, Dewan Keadilan and Penyelidik Budaya Negeri Sembilan is used in the project paper.

Lastly, the presentation of this research will provide a clearer view on the subject Adat Perpatih especially on the marriage matter. I hope that this report will be a great help to those who will be doing research on the particular subject.

Sekian, Wassalam.

BAB 1

PENGENALAN MENGENAI ADAT PERPATIH

1.1 Asal-usul Adat Perpatih.

Adat Perpatih ini dicipta oleh Dato' Perpatih Nan Sebatang. Tidak ada seorang pun ahli sejarah di Minangkabau yang dapat memastikan tarikh lahirnya dengan tepat. Walau bagaimanapun dianggarkan yang Dato' Perpatih dilahirkan dalam pertengahan kurun ke 14, iaitu di antara 1340 M dengan 1360 M.¹ Dato' Perpatih Nan Sebatang berasal dari negeri yang terletak di sebelah barat Pulau Sumatera, Indonesia. Tempat ini diceritakan dalam pantun di bawah :-

Aku hilir ke Inderagiri,
Semalam di Padang Panjang,
Di mana adat mula berdiri,
Di Perliangan, Padang Panjang.

2

¹ Abdul Samad Idris, Kemurnian dalam Adat Perpatih di Negeri Sembilan, "Kertas Kerja Seminar Persejarah dan Adat Perpatih" oleh Majlis Bella Negeri Sembilan pada 9 - 12 hb April, 1974, hlm.2

² Perliangan, Padang Panjang nama tempat di negeri Minangkabau.

1.2 Pengertian adat.

Perkataan adat itu adalah berasal dari perkataan bahasa Arab iaitu ada dan juga mempunyai makna yang sama dengan urf. Terma itu boleh juga dimaksudkan sebagai undang-undang tidak bertulis.¹ Adat menurut pengertian M.B. Hooker ialah termasuk undang-undang semulajadi, peraturan yang lazim dipakai oleh masyarakat, peraturan-peraturan etika dan "doctrine of common sense". Adat juga termasuk pelakuan-pelakuan yang patut dipatuhi oleh undang-undang di tempat itu.² Menurut pandangan Nordin Selat,³ adat adalah peraturan hidup di dunia.

Peraturan hidup yang menjadi amalan itu bertujuan membawa ketenteraman dalam masyarakat. Namun tidak dapat dinafikan terdapat peraturan hidup yang berubah mengikut arus peredaran zaman. Perubahan peraturan ini melibatkan peraturan yang tidak asasi. Sebagai contohnya ialah mengenai sikap sebahagian besar anak perempuan dahulu diletakkan di dapur. Tetapi sekarang kebanyakan anak perempuan bekerja di pejabat. Walau bagaimanapun,

¹ Abdul Monir b. Yaacob, An Introduction to Malaysian Law, (Bangi : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1989), hlm. 49-50.

² M.B. Hooker, Readings in Malay Adat Laws, (Singapore : Singapore University Press, 1970), hlm. 15.

³ Nordin Selat, Sistem Sosial Adat Perpatih, (Utusan Publications and Distributors Sdn Bhd, 1982), hlm. 3.

peraturan yang berbentuk asasi sama sekali tidak boleh diubah. Contohnya ialah hidup bersuku, mengira keturunan dari nisab ibu, sistem tanah pusaka dan sebagainya.

Dato' Abdul Samad bin Idris pula berpendapat adat itu ialah satu sistem pentadbiran dan pemerintahan serta cara hidup berkeluarga, bermasyarakat dan bernegara yang dikawal oleh peraturan-peraturan hidup sehari-sehari atas menurut istilah sekarang ialah "undang-undang negara".¹

Mengikut Abdullah Siddik pula adat merupakan satu kebiasaan dan dalam amalnya beliau bersetuju hanya dimaksudkan sebagai kesusilaan dan kebiasaan dalam semua lapangan hidup satu-satu masyarakat.² Dengan erti kata lain manusia mempunyai cara hidup bermasyarakat sebagai pedoman bagi membolehkan mereka hidup dalam keadaan aman.

Pengertian adat juga dijelaskan oleh Tuan Haji Abbas b. Hj. Ali iaitu adat seumpama kanun pemeliharaan dalam mewujudkan keperibadian tata-kesusilaan masyarakat bagi bangsa dan nusa dan hanya tertakluk kepada undang-undang "alam", mengalami perubahan.³ Dari pengertian di atas

¹ Abdul Samad Idris, hlm. 3.

² Abdullah Siddik, Pengantar undang-undang Adat di Malaysia. (Kuala Lumpur : Universiti Kebangsaan Malaysia, 1975), hlm. 4.

³ Tuan Hj. Abbas b. Hj. Ali, Sebahagian dari dasar adat, "Kertas kerja Seminar Persejarahan dan Adat Perpatih" oleh Majlis Belia Negeri Sembilan pada 9-12hb April 1974, hlm. 1.

dapat dikatakan adat menjadi peraturan hidup bermasyarakat. Walau bagaimanapun adat tidak terkecuali dari mengalami perubahan mengikut peredaran masa. Apa yang penting perubahan itu tidak melibatkan perubahan adat yang penting. Sepertikata perbilangan :-

Sekali air bah, sekali pasir berubah,
 Sekali raja mangkat, sekali adat beralih,
 Sekali tahun beredar, sekali musim bertukar,

1

Dari kata-kata perbilangan yang tersebut nyatalah bahawa Adat Perpatih itu bukanlah sebagai satu benda yang kaku, beku, mati atau yang tidak boleh diubah dan dirombak.

Daripada pandangan umum penulis-penulis di atas dapat disimpulkan secara keseluruhannya bahawa adat mempunyai dasar yang sama iaitu merupakan pedoman bagi masyarakat supaya dapat hidup dalam keadaan aman damai.

1.3 Bahagian-bahagian adat.

Sebagaimana kita maklum terdapat dua bentuk adat yang terkenal di Tanah Melayu iaitu adat perpatih yang

bercorak matrilineal dan adat Temenggung yang bercorak patrilineal.¹ Walau bagaimanapun tumpuan akan hanya diberikan kepada adat perpatih.

Menurut Marhun Batuah, Adat Perpatih dibahagi kepada 4 bahagian iaitu :-

- i) Adat nan sabana adat (adat yang sebenar adat).
- ii) Adat nan diadatkan (adat yang diadatkan).
- iii) Adat nan teradat (adat yang teradat).
- iv) Adat istiadat.²

Adat nan sabana adat sekiranya ditinjau dari segi falsafah ianya adalah berpangkal kepada ketentuan alam yang hakiki. Manakala adat nan diadatkan ialah bertujuan untuk mengatur masyarakat dalam segala bidang terutama dalam sosial kehidupan, pergaulan, dalam bidang ekonomi, hukum dan sebagainya. Peraturannya didasarkan kepada permuafakatan berasaskan alur dan patah. Dari penerangan di atas dapat kita katakan bahawa kedua jenis adat itu mempunyai sifat yang tidak berubah-ubah dan ianya menjadi dasar adat.

Adat nan teradat pula diamal dari kata muafakat

1

Othman Ishak, hlm. 89.

2

A.M. Marhun Batuah, Hukum Adat dan Adat Minangkabau (tanpa tahun), hlm. 57.

nenek mamak Pemangku adat disatu-satukan negeri. Ianya sentiasa disesuaikan dengan situasi setempat selama tidak bertentangan dengan peraturan adat.¹ Adat istiadat merupakan adat dalam pengertian upacara sahaja seperti upacara penobatan, penerimaan dan pemakaman Rizab dan seumpamanya lagi.² Bolehlah disimpulkan 2 jenis adat di atas mempunyai sifat-sifat yang berbeza mengikut situasi,³ keadaan tiap-tiap negeri dan masyarakat tersebut.

1.4 Sejarah Johol secara ringkas.

Negeri Sembilan terdiri daripada 14 luak iaitu Sri Menanti, Sungai Ujong, Jelebu, Johol, Rembau, Ulu Muar, Jempol, Terachi Gunung Pasir, Inas, Gemencheh, Ayer Kuning dan Linggi⁴ (lihat Lampiran A). Perbincangan akan ditumpukan kepada sejarah pembukaan salah satu dari 14 luak di atas iaitu Johol.

Negeri Sembilan telah dibuka lebih kurang dalam

¹ T.H. Dr. Radjo Penghulu, Rangkaian Mustika Adat Syarak di Minangkabau (LKAMM Sumber, tanpa tahun), hlm. 9.

² Abdullah Siddik, hlm. 9.

³ T.H. Dr. Radjo Penghulu, hlm. 110-111.

⁴ Nordin Selat, Sistem Sosial Adat Perpatih, (Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., 1982) hlm. 55.

kurun ke 15. Orang-orang Minangkabau telah datang ke Negeri Sembilan dan membuat kediamannya di beberapa tempat. Orang Minangkabau yang datang ke Johol telah melalui Naning atau Pasir Besar. Tiap-tiap daerah ditakbirkan oleh seorang Penghulu dan mereka di bawah kuasa Sultan Johor.

Nama asal Johol telah dinyatakan dalam muka surat yang pertama dalam buku Sejarah Johol. Di dalam buku Sejarah Johol itu ada menyebut nama Batin Pak Johol tetapi beliau bukanlah ayah kepada undang Johol yang pertama itu. Ayahnya mengikut teks ini ialah Bendahara Sekudal. Bendahara Sekudal mendapat tempat yang istimewa di dalam sejarah Negeri Sembilan, khususnya dalam sejarah tempatan yang berhubung dengan asal-usul undang.

Wilkinson telah menganggap Bendahara Sekudal sebagai pelaku utama di zaman sakai di dalam sejarah Negeri Sembilan yang dianggap juga satu zaman legenda.¹ Dalam salasilah Campbell dikatakan Sultan Johor telah berkahwin dengan Puteri Mayang Selida dan mendapat 4 orang putera. Mereka ialah Tuk Engku Kelang, Bendahara Sekudal, Mandulika Akhir Zaman dan Johan Pahlawan. Ini bermakna Undang Johol berasal dari keturunan Sultan Johor.

1

Shahron Mohd. Dom, Bendahara Sekudal. Satu Metos, "Kertas kerja Seminar Persejarahan dan Adat Perpatih oleh Majlis Belia Negeri Sembilan pada 9-12 hb April 1974:, hlm. 2.

Dalam sejarah Johol terdapat nama Johan Pahlawan anak kepada Bendahara Sekudai. Jadi salasilah ini juga tidak lari dengan cerita dalam sejarah Johol.

Dalam tahun 1911, Wilkinson telah mencuba menyusun satu salasilah lain. Salasilah ini disusun untuk mencari asal-usul undang Sungai Ujong. Dalam salasilah Wilkinson, Batin Seri Alam mempunyai 3 orang anak. Mereka ialah Batin Bercanggai Besi (Penghulu Sungai Ujong), Tok Jelundung (Membuka Jelebu) dan Nenek Kerbau (Membuka Johol). Dikatakan juga Bendahara Sekudai cucu kepada Batin Bercanggai Besi. Dalam teks Sejarah Johol tidak terdapat nama Nenek Kerbau. Bagaimanapun; pengarang Sejarah Johol tidak mengatakan Batin Pak Johol sebagai pembuka Johol. Pengkaji tempatan sejarah Johol seperti Samad Idris percaya bahawa Nenek Kerbau (seorang perempuan yang membuka Johol). Manakala salasilah yang dibuat oleh Campbell dan Wilkinson tidak mempunyai kaitan dengan cerita Sejarah Johol ini.¹

Dari analisa di atas menunjukkan lebih daripada satu analisa salasilah pembukaan Johol telah disusun oleh beberapa orang penulis.

1.5 Sistem pentadbiran adat.

Jika dari segi pentadbiran, Adat Perpatih telah disusun dengan begitu sistematik. Bermula dari satu keluarga kecil dengan satu keluarga kecil yang lain, wujudlah satu organisasi sosial yang membentuk perut. Hubungan antara anggota perut itu mempunyai tanggungjawab dan hak yang sama. Mereka diharapkan untuk mengurangkan beban-bagi satu anggota, misalnya orang lain harus memberi bantuan dalam soal kenduri, kematian dan sebagainya. Seperti kata perbilangan :-

Berat sama dipikul,
Ringan sama dijinjing,
Kebukit sama didaki,
Kelurah sama dituruni,
Kelaut sama direnangi,
Dapat sama laba,
Cicir sama rugi.

1

Ketua perut dikenali dengan nama Buapak atau Ibubapak. Seorang buapak dipilih atau boleh dipecat oleh anggota-anggota perut yang dewasa. Tugas buapak antara lainnya ialah menyelesaikan perselisihan fahaman, membuat pembahagian harta carian apabila berlaku cerai hidup atau mati dan menyelesaikan kes-kes jenayah yang kecil. Walau bagaimanapun buapak boleh dipecat jika cual menjalankan

1

Nordin Selat, Pemimpin dalam Adat Perpatih, "kertas kerja Seminar Persejarahan dan Adat Perpatih oleh Majlis Belia Negeri Sembilan pada 9-12hb April 1974, hlm.

tugas, menyalahgunakan kuasa dan berkelakuan yang memalukan perutnya.

Buapak pula memilih lembaga sebagai ketua suku. Sebelum lembaga dipilih terdapat beberapa kriteria yang perlu di ambilkira iaitu :-

- i) calon lembaga itu hendaklah ada saka iaitu perutnya berhak mencalonkan lembaga.
- ii) bakanya adalah dari keturunan yang baik.
- iii) calon lembaga itu mestilah beristerikan perempuan dari luaknya. Tujuannya ialah tempat tinggal selepas kahwin adalah matriloal dan ini memudahkan anak buah datang untuk mengadu.

Lembaga telah diamanahkan untuk memikul tanggungjawab seperti :-

- i) dalam kes yang besar, lembaga bertindak sebagai seorang polis iaitu menyiasat, menangkap dan membawa yang bersalah kepada undang atau Yam Tuan.
- ii) dalam kes jenayah, lembaga boleh menyelesaikan kes-kes kecil seperti membabi buta, menatah

tulang dan memutus urat.

- iii) menyalasat aduan hutang piutang dalam sukunya.
- iv) menentukan dan mengesahkan waris-waris yang berhak menerima harta pusaka.
- v) menyelesaikan perselisihan antara sukunya dengan suku yang lain. Di samping perselisihan yang tidak dapat diselesaikan oleh buapak.
- vi) mewakili sukunya dalam perundingan dengan undang.

Secara kesimpulannya, lembaga bertanggungjawab menjaga keselamatan dan keharmonian hidup sukunya. Lembaga juga boleh dipecat atas kesalahan membusukkan nama suku, cial dalam menjalankan tugas, menyalahgunakan kuasa dan melampau batasan kuasanya. Undang atau penghulu berhak memecat lembaga setelah mendapat persetujuan dari jemaah adat dan Yam Tuan.

Lembaga boleh melantik Undang ketua bagi tiap-tiap luak yang 4 itu yang digelar Undang. 4 luak utama itu ialah Sungai Ujong, Johol, Rembau dan Jelebu. Manakala

ketua bagi luak-luak yang lain dipanggil penghulu. Undang dicalonkan dari suku waris iaitu suku Biduanda. Bagi mendapat gambaran yang jelas, maka diambil sebagai contoh cara pemilihan Undang Luak Johol. Undang Johol bergelar Johan Pahlawan Lela Perkasa Setiawan.

Jawatan ini dipegang oleh 2 perut suku Biduanda secara bergilir-gilir iaitu perut Johol dan perut Gemencheh. Apabila satu perut memegang jawatan undang, perut yang satu lagi memegang jawatan Baginda Tan Mas. Bila Undang meninggal, Baginda Tan Mas menggantikannya. Jawatan Baginda Tan Mas dipilih dari perut undang yang meninggal tadi. Oleh itu yang dipilih di Johol bukannya Undang tetapi Baginda Tan Mas yang dipilih oleh Tok Jenang ketua suku Biduanda dan enam buapak-buapak suku itu. Manakala ketua suku-suku lain tidak boleh campurtangan.

Kekecohan di Johol

Pada tahun 1985 telah berlaku kekecohan ketika melantik Dato Undang yang ke 12. Kekecohan itu bermula apabila Datuk Jenang ketika itu ialah Abdul Wahab b. Abdullah telah melantik Encik Abd. Ghafar Bachik salah seorang dari suku Jenang sebagai undang yang baru. Encik Abd. Ghafar bukan dari keturunan yang boleh memerintah iaitu perut Johol ataupun perut Gemencheh. Ahli-ahli

lembaga yang lain tidak mengiktiraf perlantikan itu. Kesalahan yang dilakukan oleh Datuk Jenang yang melantik Undang yang tidak sepatutnya dilantik itu boleh dikategorikan sebagai derhaka. Hukuman bagi kesalahan Datuk Jenang ialah beliau tidak boleh mempusakai lembaga begitu juga dengan keturunannya. Di samping itu dikenakan juga timbang salah (denda) :-

- i) Duit satu bahara besar (\$48).
- ii) Beras 50 gantang.
- iii) Kayu sepasung (sebanyak kayu yang digunakan bagi satu kenduri)

Walau bagaimanapun, kekecohan itu berakhir apabila dengan rasminya Undang luak Johol yang ke 12 dilantik iaitu Dato' Hj. Abd. Rahman bin Mohd Som yang mana¹ sebelum ini beliau memegang jawatan Baginda Tan Mas.

Susur galur pemerintahan Undang Luak Johol.

Dato' Undang Luak Johol

|

Baginda Tan Mas

|

Tiang Balai

|

Lembaga

|

Buapak

|

Juak - juak

|

anak buah

1 dlm SUDKU'

an. 712585



(Office of the Council of the Yang Di-Pertuan
Besar and the Ruling Chiefs, N.S.)
d/a ISTANA HINGGAP
SEREMBAN.

SENARAI NAMA-NAMA BAGI Y.T.M.
DATO' UNDANG LUAK JOHOL.

- | | | |
|-----|--|--------------------------|
| 1) | PUTERI KANUN KEMUDIAN BERGELAR SITIAWAN MEMERINTAH TAHUN 1723-1747 | |
| 2) | DATO' RAMBUT PANJANG
(DIKUBURKAN DI GELEMBONG) | 1747-1760 |
| 3) | DATO' SITIAWAN
(DIKUBURKAN DI KG. TENGAH) | 1760-1790 |
| 4) | RAMBUTAN JANTAN | 1790-1810 |
| 5) | DATO' NURI (ANAK SAUDARA R. JANTAN) | 1810-1820 |
| 6) | DATO' REBAH/DATO' BUNCIT/
DATO' ABU RAKAR GOBAH
(DIKUBURKAN DI GOBAH) | 1820-1840 |
| 7) | DATO' ETO (MATI TERBUNUH)
(MULA DIWUJUDKAN TAN MAS) | 1840-1901 |
| 8) | DATO' WAN OMAR BIN WAN HASAN
(WARIS GEMENCHEH) | 1901-1918 |
| 9) | DATO' UNDANG KAMAT BIN HJ. SULAIMAN
(MENINGGAL DUNIA DIMEKAH) | 1919-1947 |
| 10) | DATO' HJ. ABD. MANAP BIN TOLOK
(WARIS GEMENCHEH)
DIKUBURKAN DI MASJID TENGAH | 1947-1973 |
| 11) | DATO' HJ. ABD. MAJID BIN ABD. WAHID | 1973-1985 |
| 12) | DATO' HJ. ABD. RAHMAN BIN MAT SOM | 1985-1988 |
| 13) | DATO' ABDUL BIN ALI | 1988 HINGGA
SEKARANG. |

undang manakala Datok Menteri pula hanya bertanggungjawab mengumumkan Undang yang baru dari 3 nama yang telah dicalonkan tadi. Dato' Musa b. Wahab bukan dan tidak pernah menjadi calon undang.

Sementara itu Dewan Keadilan dan Undang Negeri Sembilan telah merestui perlantikan Dato' Musa. Sebaliknya peguam Syed Alvi telah berhujah bahawa keputusan Dewan Keadilan bukanlah satu keputusan yang muktamad kerana ia bertindak sebagai satu badan penasihat berhubung dengan perkara-perkara yang melibatkan adat orang-orang Melayu di Negeri Sembilan. Hujah peguam Dato Musa yang mengatakan Dato Musa bebas dari tindakan Mahkamah tidak disetujui oleh Hakim Dato' Hamid Omar. Menurut Dato Hamid Omar tidak dinyatakan dengan jelas dalam perlembagaan Negeri Sembilan 1959 mengenai pemerintah Negeri Sembilan yang terdiri dari Yang Di Pertuan Besar dan 4 orang undang (tidak ditentukan).

Keputusan

Mahkamah Tinggi Seremban telah memutuskan bahawa Undang tidak ditakrifkan sebagai pemerintah di Negeri Sembilan. Dewan Keadilan dan Undang tidak diberi kuasa dalam menentukan sebarang pertikaian berhubung dengan perlantikan undang.

Undang Luak Jelebu yang ke 15 telah merayu ke Mahkamah Persekutuan setelah Mahkamah Tinggi Seremban menolak permohonan itu. Peguam Undang Luak Jelebu menghujah mahkamah tidak berkuasa melayani dan membicarakan kes perlantikan undang tersebut kerana ia menyentuh adat Melayu di Negeri Sembilan. Selanjutnya hujah peguam Undang Luak Jelebu ialah Mahkamah Tinggi telah silap dari segi undang-undang apabila diputuskan mahkamah mempunyai bidang kuasa mendengar dan menentukan sah atau tidak boleh disaman kerana ditakrifkan sebagai pemerintah Negeri Sembilan di bawah perenggan (2) Artikel 181 Perlembagaan Persekutuan.

Keputusan

Mahkamah Persekutuan telah meluluskan rayuan Undang Luak Jelebu bahawa mahkamah tidak berkuasa membicarakan kes perlantikan undang. 4 orang Hakim Persekutuan telah menerima rayuan manakala Ketua Hakim Negara Tun Sufflan Hashim telah menolak rayuan. 4 orang Hakim yang menerima rayuan itu terdiri dari Tan Sri Raja Azlan Shah, Tan Sri Salleh Abas, Ibrahim Manan dan Hashim Yeop Sanl.

Tan Sri Raja Azlan berkata Dewan Keadilan telah merestui perlantikan itu dan tambahan lagi Dewan adalah tempat yang lebih sesuai untuk memutuskan perkara itu

seperti terkandung dalam Fasal 16 Perlembagaan Negeri Sembilan. Fasal 16 mengandungi Dewan Keadilan bertindak memberi nasihat berhubung dengan adat Melayu di Negeri Sembilan atau perkara-perkara lain yang dirujuk oleh Yang Dipertuan Besar atau raja-raja memerintah.

Menurut Tan Sri Raja Azlan Shah soal pokok kes ialah sama ada mahkamah patut mengisytiharkan perlantikan Undang itu sah atau tidak. Pengisytiharan itu ialah satu penyelesaian yang menggunakan budibicara dan dalam kes-kes yang sesuai mahkamah boleh mendengarnya. Fasal 14 menyatakan pemilihan undang hendaklah mengikut adat luak masing-masing.

Sebaliknya Ketua Hakim Negara yang menolak rayuan Dato' Undang Luak Jelebu berpendapat mahkamah mempunyai bidang kuasa mendengar kes pertikaian undang seperti termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan atau Negeri. Untuk memutuskan sama ada pengaduan itu berasas atau sebaliknya mahkamah terpaksa mendengar pengaduan itu seberapa adil yang boleh walaupun hanya satu perkara yang¹ rumit.

Dato' Undang Jelebu dipilih bergilir-gilir dari tiga 'Waris Berunding': Waris Jelebu, Waris Sarin dan Waris

¹ Jawatankuasa Penyelidikan Budaya Negeri Sembilan, Keratan-keratan Akhbar mengenai perlantikan Undang Luak Jelebu ke 15.

Kemin. Waris Sarin dan Kemin itu mungkin telah dimasukkan secara maufakat sebagaimana yang terbukti di bawah ini : Empat orang Penghulu yang mula-mula memerintah adalah dari waris Ulu Jelebu. Senarai nama adalah seperti berikut :

1.	Dato' Moyang Salleh	Waris Ulu Jelebu
2.	" Bukor	" " "
3.	" Bakul	" " "
4.	" Yunus	" " "
5.	" Iob	Waris Sarin
6.	" Duraman	Waris Kemin
7.	" Durongga (To' Tua/To' Gila)	Waris Ulu Jelebu
8.	" Pandak	Waris Sarin
9.	" Mahmud (Kulup Tunggal)	Waris Kemin
10.	" Haji Ibrahim	" "
11.	" Saiyid Ibrahim	Waris Ulu Jelebu
12.	" Abdullah	Waris Sarin
13.	" Shahmarudin	Waris Kemin
14.	" Abu Bakar	Waris Ulu Jelebu
15.	" Musa b. Ab. Wahab	Waris Sarin

Waris Kemin telah dilantik dua kali berturut-turut (Dato' Mahmud dan Dato' Haji Ibrahim) kerana waris yang pertama itu telah dipecat disebabkan melanggar adat. Beliau telah mengambil seorang perempuan Cina dari Rembau sebagai gundiknya.

Perkara-perkara yang mengenai hal ehwal luak seseorang Undang hanya tidak tertakluk pada Yam Tuan. Beliau mengendalikannya bersama dengan bantuan jemaah ketua-ketua adat. Undang juga memainkan peranan sebagai hakim. Di samping itu beliau boleh menggunakan budibicaranya, meringankan hukuman dan memaafkan yang bersalah. Terdapat kesalahan-kesalahan yang mesti diadili oleh Undang iaitu derhaka, menentang kuasa ketua adat, salah guna kuasa oleh Ketua Adat, bakar, tikam, bunuh, racun dan kelakuan sumbang jantina.

Jawatan Yam Tuan merupakan jawatan yang paling tinggi dalam hirarki pemerintahan. Jawatan Yam Tuan atau Yang Di Pertuan Besar bermula pada tahun 1770, apabila seorang anak raja dari Pagar Ruyung di Minangkabau ditabalkan menjadi Raja Yam Tuan yang pertama iaitu Raja Melewar.¹ Yam Tuan kedua dan ketiga adalah juga Raja yang dipohon dari Minangkabau. Dinasti Sri Menanti bermula² dengan Yam Tuan keempat iaitu Yam Tuan Radin.

Maksud turun-temurun ini adalah bahawa yang berhak ialah keturunan lelaki Yam Tuan Radin dari nisab bapa sahaja. Baginda sahaja yang berkuasa menjatuhkan hukuman bunuh - "pedang pada keadilan". Dalam hal ehwal kerajaan

1

M.B. Hooker, hlm. 11

2.

Nordin Selat, Sistem Sosial Adat Perpatih (Utusan Publications & Distributors) Sdn. Bhd., 1982), hlm. 58.

Negeri Sembilan seluruhnya, baginda bekerjasama dengan para Undang.

Kuasan dan tanggungjawab Yam Tuan termaktub dalam Perlembagaan Negeri Sembilan 1959, Seksyen 40 (2), di antaranya :-

- a) lantikan seorang Menteri Besar;
- b) menangguhkan persetujuan atas permohonan membubarkan Dewan Negeri;
- c) membuat permintaan mengadakan majlis mesyuarat Raja-raja semata-mata berkenaan dengan keutamaan-keutamaan, taraf kedudukan kehormatan dan darjat kebesaran Duli-Duli Yang Maha Mulia atau berkenaan dengan perkara-perkara upacara-upacara atau istiadat-istiadat suruhan agama;
- d) sebarang tugas kewajipan iaitu sebagai ketua agama Islam atau berkenaan dengan istiadat orang-orang Melayu;
- e) lantikan seseorang menyandang pusaka, gelaran, kehormatan dan kebesaran orang-orang Melayu dan menentukan kewajipan-kewajipan.
- f) lantikan Pemangku Raja atau Jemaah Pemangku Raja;
- g) peraturan-peraturan di Balai Rongseri dan istana-istana;

Kesimpulannya pemimpin itu memainkan peranan yang penting dan diibaratkan sebagai;

Pohon rendang di tengah padang,
Batangnya untuk bersandar,
Dahannya untuk bergantung,
Buahnya untuk dimakan,
Daunnya untuk berlindung.

1

Hiraki pemerintahan adat

Yang Tuan atau Yang Di Pertuan Besar

|

4 Undang

|

Lembaga

|

Buapak

|

Perut

|

Keluarga

Nama-nama Yang Di Pertuan Besar Negeri Sembilan

- 1) Raja Melevar (1770-1795)
- 2) Yam Tuan Hitam (1795-1808)
- 3) Yam Tuan Lenggang (1808-1861)
- 4) Yam Tuan Radin (1824-1861)
- 5) Yam Tuan Iman atau
Yam Tuan Ulin
(Marhon Janggut) (1861-1869)
- 6) Yam Tuan Antah (1872-1888)
- 7) Yam Tuan Muhammad (1888-1933)
- 8) DYMM Tuanku Abdul
Rahman K.G.M.G. (1933-1960)
dan Yang di Pertuan
Agong (1957-1960)
- 9) DYMM Tuanku Munawir
D.H.N., S.M.N.,
D.K. (Brunel),
S.P.M.B. (1960-1967)
- 10) DYMM Tuanku Ja'afar
Ibni Al marhum Tuanku
Abdul Rahman
D.K., D.M.N., D.K.M.B. (Brunel),
D.K. (Kelantan), D.K. (Kedah), D.K. (Selangor),
D.K. (Perlis), D.K. (Johor), D.K. (Pahang),
D.K. (Terengganu), D.K. (Perak), Ijazah
Kehormat Kedoktoran Undang-undang (Ohio
University) (18.4.1967)

1

1.6 Suku

Memang tidak dapat dinafikan terdapat beberapa

konsep di dalam adat perpatih. Ini termasuklah konsep suku, harta, perbidalan dan lain-lain lagi. Walau bagaimanapun perhatian akan diberi kepada konsep suku kerana ianya merupakan salah satu dari faktor penting dalam membicarakan mengenai aspek politik, ekonomi dan kemasyarakatan.

Suku adalah unit kekeluargaan, anggota-anggotanya percaya mereka berasal dari moyang yang sama cuma agak jauh untuk disusur galurkan. Menurut pengertian asal suku bermakna kaki. Sesuku mengandungi seperti 4 bahagian dari seekor ternak seperti kambing, sapi, kerbau dan lain-lain. Jadi suku beerti seempat bahagian.

Suku juga memberi pengertian sebagai satu kumpulan kaum mengikut nama dari daerah asal mereka. Suku adalah satu kesatuan yang mempunyai identiti yang diberi nama tertentu iaitu suku Biduanda, Batu Hampar, Seri Semelenggang, Tanah Datar, Seri Lemak, Hungkal, Tiga Batu, Tiga Nenek, Paya Kembuh, Anak Melaka, Anak Acheh dan Batu Belang.

Istilah varis adalah menyatakan perhubungan antara anggota-anggota sama suku. Anggota satu-satu suku dapat mengenali varis masing-masing dengan bergaul dan

mengenali anggota-anggota yang sama suku. Oleh itu secara tidak langsung maka perasaan kesatuan dan kekeluargaan adalah lebih besar dan erat.

Jika dilihat dari susunan masyarakatnya maka sistem Adat Perpatih bersifat matrilineal iaitu setiap orang baik lelaki mahupun perempuan adalah menurut garis keturunan melalui seorang perempuan iaitu dari ibu ke ibu sehingga semua penghubung dalam garis keturunan adalah semata-mata perempuan. Tegasnya sistem adat perpatih mengutamakan keturunan kepada nasab sebelah ibu.

Sebagaimana yang kita ketahui terdapat 12 suku di dalam adat perpatih yang istimewa kedudukannya jika dibandingkan dengan suku-suku yang lain. Menurut anggapan masyarakat adat perpatih bahawa suku Biduanda adalah suku pribumi yang merupakan orang asal di Negeri Sembilan. Manakala suku-suku yang lain adalah merupakan orang yang mendatang. Di samping itu anggota-anggota dari suku Biduanda mempunyai hak mutlak untuk menjadi dan menyandang pusaka undang Luak. Jelas bahawa suku memainkan peranan penting dalam sistem adat perpatih.

BIBLIOGRAFI

AL-QUR'AN AL-KARIM

Al-Qur'an al-Karim dan Terjemahannya.

TEKS BAHASA ARAB

Sha'ban, Zakkiyyudin. al-Ahkan al-Shariyyah li al-Ahwal al-Shaksiyyah. Edisi kedua. Libya : Manshurat al-Jam'iah al-Libiyyah, 1971.

al-Sharbini al-Khatib, Muhammad. Mughni al-muhtaj. Juzu'3, Misr : Mustafa al-Babi al-Halabi, 1958.

al-Jaziri, Abdul Rahman. al-Fiqh Ala al-Madhahib al-Arba'ah. Juzu'44. Misr : al-Maktabah al-Tijariyyah al-Kubra, 1969.

al-Naisaburi, Abu al-Husin Muslim bin al-Hajjaj al-Qushairi. Mikhtasar Sahih Muslim. Beirut : Dar al-Arabiyyah, 1972.

al-Asqalani, Abu al-Fadhl Ahmad bin Hajar. Bulugh al-Muram' min Adlillah al-Ahkam. Beirut : Dar al-Kitab al-Arabi, 1933.

Abu Isa Muhammad bin Isa bin Saurah. al-Jami' al-sahih Sunan al-Tarmizi. Juzu'3. Misr : Mustafa al-Babi al-Halabi, 1937.

al-Husaini, Ahmad Mustafa Shimal. al-Ahwal al-Shakhsiyyah. (Qahirah : t.pt, 1969), hlm. 27-28.

Zakariyya Ali Yusuf. al-Majmu Sharh al-Muhadhdhah. Juzu'5 dan 15. Misr : Mat ba ah al-Imam, 1966

TEKS BAHASA MALAYSIA

Abdullah Siddik. Penghantar Undang-undang Adat Malaysia. Kuala Lumpur : Universiti Malaya, 1975.

Nordin Selat. Sistem Sosial Adat Perpatih. Edisi pertama. Kuala Lumpur : Utusan Melayu, 1976.

H. Md. Ali Alhamidy. Islam dan Perkahwinan. Edisi pertama. Singapura : Bismi Publishers, 1981.

Muhammad Ali Quthb. Mutiara Perkahwinan Menurut Ajaran Islam. Edisi Ketiga. Kuala Lumpur : Pustaka Haji Abdul Majid, 1990.

Fachruddin H.S. Terjemahan Hadits Shahih Muslim II, Edisi pertama. Jakarta : Penerbit Bulan Bintang, 1979.

Salyid Sabiq, Fikih Sunnah Edisi pertama. Kuala Lumpur : Victory Agencie, 1990.

Drs. H. Mohamad rifai, Ilmu Fiqh Islam Lemkap, Edisi keempat. Singapura : Pustaka nasional Pte. Ltd. 1988.

Hj. Sulaiman Rasyid, Fiqh Islam, cet. 17, Jakarta, Atthariyah, 1976.

TEKS BAHASA INGGERIS

Abdul Monir b. Yaacob. An Introduction to Malaysian Law. Edisi pertama. Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia, 1989.

M.B. Hooker. Readings in Malay Adat Laws. Singapore University of Singapore, 1970.

Sh. Muhammad. Sahih Muslim. Volume II, Pakistan : Ashraf Press, Lahore, 1973.

LATIHAN ILMIAH

Norplisah Mohd Nor. "Istiadat perkahwinan dalam Adat Perpatih Negeri Sembilan," Latihan ilmiah Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1985.

Selamat bin Paigo. "Kenduri Kahwin : Satu Kajian Perbandingan Di antara Islam dengan Masyarakat Melayu Negeri Sembilan," Latihan ilmiah Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1989.

KERTASKERJA-KERTASKERJA

Abbas bin Hj. Ali, Tuan Hj. "Sebahagian Dari Dasar Adat." Kertaskerja Seminar Persejarahan dan Adat Perpatih, oleh Majlis Belia Negeri Sembilan, 9-12hb April 1974.

Azizah Kassim. "Kedudukan Wanita Dalam Masyarakat Adat Perpatih Negeri Sembilan." Kertaskerja Seminar Persejarahan dan Adat Perpatih oleh Majlis Belia Negeri Sembilan, 9-12 April 1974.

Mustafa bin Hj. Ahmad, Dato'Hj. "Adat Perpatih dan syarak di Negeri Sembilan," Kertaskerja Seminar Adat Perpatih oleh Persatuan Mahasiswa Anak Negeri Sembilan, UKM Bangi, 17-18 September, 1988.

RENCANA


Aliyah. "Rahsia Mak Andam Menjadikan Pengantin Bersen. di Pelamin." Keluarga. (Disember 1977).

LAIN-LAIN SUMBER

Azizah Kassim. "Wanita Adat Perpatih." Wanita (November 1988).

"Nikah Gantung dan Sesalahan" Mastika
(Oktober 1958).

Norhalim b. Ibrahim. "Istiadat Perkahwinan Adat Perpatih Di Daerah Jelebu." Tanpa penerbit, 1989.



LAMPIRAN B

Adat (maskahwin) di Luak Ulu Muar.

Sebelum 1904 - anak dara \$ 7.00, janda \$ 4.00.

1904 - 1951 - anak dara \$ 20.00, janda \$ 10.00.

Selepas 1951 - anak dara \$ 28.00, janda \$ 14.00.

Mulai 1985 maskahwin adalah seperti berikut

Maskahwin - \$ 48.00 (anak dara), \$ 20.00 (janda)

Wall/upah nikah - \$ 15.00.

Saksi - \$ 20.00.

Pengiring adat - \$ 44.00.

Masuk Kariah - \$ 10.00.

Register - \$ 5.00.

Bayaran pengiring adat pula adalah seperti berikut :-

Buapak - \$ 14.00.

Orang menjemput - \$ 20.00. (\$ 10.00 seorang semenda)

Waris Soko - \$ 10.00.

Adat (maskahwin) di Luak Rembau sbelum 1901 adalah seperti berikut :-

BIL.	SUKU	ANAK DARA	JANDA	ANAK DARA	JANDA
		(BIASA)		(SEGALAHAN)	
1.	Batu Hampar	\$ 7.00	\$ 4.20	\$ 23.00	\$ 11.00

2.	Paya Kumbuh (Sri Melenggang dan Agam Baroh)	\$ 7.00	\$ 4.20	\$16.80	\$ 8.40
3.	Mungkal	\$ 7.00	\$ 4.20	\$16.80	\$ 8.40
4.	Tiga Nenek	\$ 7.00	\$ 4.20	\$23.80	\$11.90
5.	Biduanda Waris	\$10.50	\$ 7.00	\$42.00	\$21.00
6.	Batu Hampar Petani	\$ 7.00	\$ 4.20	\$16.80	\$ 8.40
7.	Anak Melaka	\$ 7.00	\$ 4.20	\$16.80	\$ 8.40
8.	Tanah Datar	\$ 7.00	\$ 4.20	\$28.00	\$18.00
9.	Anak Aceh	\$ 7.00	\$ 4.20	\$16.80	\$ 8.40
10.	Sri Melenggang (Kedung)	\$ 7.00	\$ 4.20	\$16.80	\$ 8.40
11.	Sri Melenggang	\$ 7.00	\$ 4.20	\$16.80	\$ 8.40

BAHAGIAN DARAT

12.	Paya Kumbuh	\$ 7.00	\$ 4.20	\$16.80	\$ 8.40
13.	Sri Lemak	\$ 7.00	\$ 4.20	\$28.00	\$14.00
14.	Sri Melenggang	\$ 7.00	\$ 4.20	\$16.20	\$ 8.40
15.	Batu Belang	\$ 7.00	\$ 4.20	\$16.80	\$ 8.40
16.	Biduanda Waris Jakun	\$10.50	\$ 7.00	\$42.00	\$21.00
17.	Batu Hampar	\$ 7.00	\$ 4.20	\$16.80	\$ 8.40
18.	Mungkal	\$ 7.00	\$ 4.00	\$16.80	\$ 8.40
19.	Tanah Datar	\$ 7.00	\$ 4.20	\$16.80	\$ 8.40

BIL.	SUKU	ANAK DARA JANDA		ANAK DARA JANDA	
		(BIASA)		(SESALAHAN)	
20.	Tiga Batu	\$ 7.00	\$ 4.20	\$16.80	\$ 8.40
21.	Sri Melanggang (Minangkabau)	\$ 7.00	\$ 4.20	\$16.80	\$ 8.40
22.	Sri Melanggang (Miku)	\$ 7.00	\$ 4.20	\$16.80	\$ 8.40


Nilai matawang adalah mengikut nilai matawang sekarang.
(1989)

(Sumber: C.W.C. Parr & Mackray W.H., 1910), Rembau, One of the Nine States: Its History, Constitution & Customs. Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society 56: 1-57 D 1910.

Menurut keterangan Yang Teramat Mulia Dato' Abdul bin Ali D.T.N.S. Dato' Johan Pahlawan Lela Perkasa Sitlavan Undang Luak Johol ke XIII, maskahwin bagi Johol telah diselaraskan semasa pemerintahan Dato' Undang Johol yang ke 12, iaitu Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Som :

- i) maskahwin rakyat biasa \$60
- ii) maskahwin waris lembaga \$80
- iii) maskahwin waris berundang \$120

Manakala maskahwin bagi janda pada kebiasaannya ialah setengah harga maskahwin biasa atau mengikut persetujuan kedua belah pihak.



خَاتَمَ اَوْ بَدَعَ بَرَانِ فَبَلِيْكَانَ غَاوَدَةً اَنْ اَسْتَعَارَةً اَوْ رَغْمًا لِّاَوْلَاقٍ حَبِيْبِيْ

JABATAN UNDANG DAN PERLEMBANGAAN ADAT DAN ISTIADAT
ORANG MELAYU LUAK JELEBU

PEPAUH BERTUNANG LANANG

BAHAWA SANYA Kami.....bin.....
(K.P. No:.....) Waris nan Kadim, Harta nan Bertuan.....
binti.....(K.P. No:.....) dalam anak buah/Lingkungan
To.....Perut.....Waris.....Suku.....
bersama/ dengan.....bin.....
(K.P. No:.....) Waris nan Kadim, Harta nan Bertuan.....
bin.....(K.P. No:.....) dalam anak buah/Lingkungan
To.....Perut.....Wans.....Suku.....
adalah bersama-sama bersetuju membuat Pengakuan bagi mengukuhkan lagi Pepauh Bertunang Lanang yang
sama-sama kita pusakai dari Datuk Nenek kita zaman berzaman (berhulur jawab):-

- i. Cincin penanya.
- ii. Cincin mengikat kata.
- iii. Cincin tanda pertunangan.

dan

untuk menepati kata pepatah

"HUKUM BERSAKSI, ADAT BERKETERANGAN"

oleh itu maka tiap-tiap berhulur jawab tiga jenis barang-barang di atas hendaklah disertakan Surat Belianya
(surat penilalan yang sah) maka diterima.

Bahawa sanya dengan pemberian dan penerimaan tanda-tanda pertunangan ini maka kami kedua-dua belah
pihak bersetuju membuat ketetapan laltu bahawa lempoh/tarikh akan disatukan kedua-dua pasangan kepada
pertunangan ini ialah.....

Adapun syarat-syarat kepada Perjanjian ini pula adalah seperti berikut:

- (a) Jika helah lelaki luncur Adatnya:
ertinya hendaklah pihak si lelaki membayar Adat (mas kahwin) dan cincin tanda itu hendaklah dikembalikan oleh
pihak si perempuan, serta pihak si lelaki membayar Wang Pampasan seperti berikut:

	i	Waris Berundang	\$800.00
dan	ii	Waris Lembaga	\$700.00

- (b) Jika helah perempuan menggandakan Adatnya:
ertinya hendaklah pihak si perempuan membayar Adat (mas kahwin) ganda dan cincin tanda hendaklah
dikembalikan dengan tanda membayar apa-apa Wang Pampasan.

(c) Jika cacat cida berkembali:

ertinya dalam masa pertunangan terdapat cacat cida antara salah seorang (pihak lelaki atau pun pihak perempuan) maka batallah janji, iaitu kembali seperti sedia kala, dan cincin tanda hendaklah dikembalikan, kecuali jika antara kedua-dua pihak menyambung semula Perjanjian itu tiada apa-apa perjanjian di dalam Adat.

(d) Jika sawan gila luar janji:

ertinya melakukan perbuatan sumbang dengan lunangnya adalah salah pada Aturan Adat mereka yang melakukannya akan dihukum mengikut Adat.

(e) Jika si perempuan dinaiki orang atau diserah atau dikerumah:

Maka si perempuan hendaklah lan menyelamatkan diri ke rumah emak/bapa atau pun ke rumah wans nan kadim pihak si lelaki.

(f) Begitu juga si lelaki jika didapatkan oleh perempuan:

Maka si lelaki hendaklah lan menyelamatkan diri ke rumah ibu/bapa lunangnya ataupun ke rumah wans nan kadim pihak si perempuan.

(g) Jika didapatkan apa-apa kesusahan yang besar, mungkin mengendalikan tarikh penyaluannya oleh salah satu pihak maka bolehlah "sela menyela".

ertinya buallah perundingan tolak-ansur bagi mendapatkan tarikh yang sesuai bagi penyatuan yang muktamad.

Sekianlah keterangan dan persetujuan kami kedua-dua pihak, maka kami perturunkan tandatangan kami sebagai mengesahkan apa-apa yang ternyata di atas.

Waris nan Kadim, Harta Nan Bertuan
Pihak si Lelaki

Waris nan Kadim, Harta nan Bertuan
Pihak si Perempuan

Saksi 1:.....
(Nama Penuh:.....)
(K.P. No:.....)

Saksi 2:.....
(Nama Penuh:.....)
(K.P. No:.....)

Disahkan oleh

Buapak
(Mohor/Cap)

Termaktub pada
bertamaman dengan

haribulan.....
haribulan

lahun.....
lahun

(Masah)
(Harah)

NEGERI SEMBILAN

UNDANG-UNDANG PENTADBIRAN HUKUM SYARAK TAHUN 1960
(Bil. 15 Tahun 1960)

Di DALAM MAHKAMAH KADI BESAR/KADI DAERAH

Di

PERKARA JENAYAH Bil. TAHUN 19.

SAMAN KEPADA YANG KENA TUDUH
(Fasal 57 (1))

Kepada,

.....
dari.....Kamu adalah dikehendaki menghadirkan diri dalam Mahkamah Kadi Besar/
Kadi Daerah.....di.....pada jam..... pagi/petang pada hari.....bersamaan dengan
.....haribulan..... 19.....dengan tidak boleh tidak bagi
menjawab tuduhan/tuduhan-tuduhan seperti berikut:

Tertulis padaharibulan..... 19.....

*Md.
Sahib
&
Wan
Rohaida*

15

Februari

1991

WALIMATUL URUS

WAN RAMLI HAJI WAN ABIDUL RAHMAN

dan
KUTNI HAJI SULAIMAN

Dengan segala hormatnya mempergilakan

Tuan/Puan suami/isteri/keluarga
ke Mela Perkahwinan anak perempuan kami

WAN ROHAIDA WAN RAMLI

dengan

MD. SAHIB HAJI ABDUL GHANI

di dalam

No. 22 Taman Dato' Wan,
Seremban, N. Sembilan,

pada hari Jumaat 15hb Februari 1991,
bersamaan 1 Syarahan 1411

Sebagai unggun kehormat Tuan/Puan
akan menyaksikan lipa maulis kami

Terima kasih

Turut Mengundang:
Seisi Keluarga

Aturcara Majlis:

12.00 - 4.00 pet. Jamuan Makan

WALIMATUL URUS

HAJI MD. ALI AHMAD

dan

HAJJAH SABIHAH HAJI ABDUL GHANI

Dengan segala hormatnya mempergilakan

Tuan/Puan suami/isteri/keluarga
ke rumah kami di alamat:

14 Jalan Setiabistari,
Bukit Damansara, Kuala Lumpur,
pada hari Jumaat 15hb Februari 1991,
bersamaan 1 Syarahan 1411

kerana mengadakan jamuan makan malam sempena
perkahwinan adik lelaki kami

MD. SAHIB HAJI ABDUL GHANI

dengan

WAN ROHAIDA WAN RAMLI


Semoga dengan kehadiran Tuan/Puan akan
menyerikan lagi majlis kami

Terima kasih

Turut Mengundang:
Seisi Keluarga

Aturcara Majlis:

8.30 min. Jamuan Makan



جَانَّ اَوْدَعُ بَدَانٍ فِرْلَمَكَانَ غَاذَرَانِ اِسْتَاذَرَةً اَوْزَرَ مَلَا يُولُوْا قَاطِبُوْ

JABATAN UNDANG DAN PERLEMBANGAAN ADAT DAN ISTIADAT
ORANG MELAYU LUAK JELEBU

LAFAZ IKRAR ORANG SEMENDA

BAHAWASANYA saya bin.....
(K.P. No:), anakbuah To' dalam Perut
..... Waris Suku yang
diakad nikahkandengan binti.....
(K.P. No:), anakbuah To' dalam Perut
..... Waris Suku
adalah dengan ini mengaku patuh dan mengikut Adat Semenda Menyemenda seperti kata pepatah "Masuk kandang kambing mengembek, masuk kandang kerbau menguak".

Saya telah lersemenda kepada Dato'/Tempat Semenda di sini, oleh itu maka epa saya Adat Rasm di sini sangguplah saya menyesuaikan diri mengikut Adat dengan Aturannya.

Sekianlah Lafaz saya dihadapan saksi-saksi adanya.

Saya yang benar,

(Tandatangan Orang Semenda).

Disaksikan oleh :

1.
(Nama Penuh:)
(K.P. No:)
2.
(Nama Penuh:)
(K.P. No:)

Disahkan oleh :

Buapak
Mohor/Cap

Termaktub pada
bersamaan dengan

haribulan
haribulan

tahun
tahun

(Masahil)
(Hiljah)